

14/09/2002

TRI berhak buat laporan polis: PM

Norbakti Alias; Zainab Mohd Yatim; Johari Ibrahim

TINDAKAN lembaga pengarah Technology Resources Industries Bhd (TRI) membuat laporan polis berhubung penyalahgunaan dana dalam syarikat itu adalah sejajar dengan hak dan tanggungjawab mereka.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, menjadi kewajipan dan hak pengurusan serta lembaga pengarah TRI membuat laporan polis berhubung penyalahgunaan dana dalam syarikat itu.

Perdana Menteri berkata, pengurusan TRI perlu mengambil tindakan jika dalam siasatan mereka mendapati wujud perkara yang salah dilakukan oleh pengurusan terdahulu.

"Adalah menjadi kewajipan kepada pengurusan dan lembaga pengarah (TRI) untuk mengambil tindakan berhubung penyalahgunaan dana itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis perasmian kilang Asian Composites Manufacturing Sdn Bhd (ACM) di Bukit Kayu Hitam, semalam.

Dr Mahathir diminta mengulas tindakan TRI membuat laporan polis terhadap invois palsu bernilai RM259.32 juta yang dikeluarkan syarikat itu pada 1998 dan 1999.

Pengerusi TRI yang baru dilantik, Datuk Dr Munir Majid berkata, keputusan membuat laporan polis itu diambil pada mesyuarat khas Lembaga Pengarah TRI, Selasa lalu.

Beliau berkata, perkara itu diketahui selepas barisan lembaga pengarah baru menjalankan beberapa audit dalam menentukan kesahihan semua rekod dan dokumen TRI.

Sementara itu, pengumuman mengenai laporan polis terhadap kewujudan invois palsu itu menyebabkan harga saham TRI di Bursa Saham Kuala Lumpur, jatuh.

Saham TRI menjunam 16 peratus atau 38 sen daripada RM2.35 kelmarin untuk ditutup pada RM1.97 sesaham semalam, kadar paling rendah yang dicatatkannya dalam tempoh sembilan bulan.

Invois palsu itu akan memberi kesan kepada kedudukan kewangan TRI kerana nilai buku bersih yang dibawahnya setakat 30 Jun lalu berjumlah RM198.028 juta.

Ia juga dijangka menyebabkan TRI terpaksa membuat pelarasan semula bagi penyata kewangan yang sudah diumumkannya sepanjang tempoh dua tahun kewangan terbabit.

"Pelabur menjual saham TRI kerana bimbang berlaku lebih banyak kejatuhan jika isu kewujudan invois palsu berlarutan atau menjadi lebih besar," kata seorang peniaga.

Selain itu, pelabur juga bimbang kewujudan invois palsu itu akan menjejaskan kedudukan kewangan TRI sehingga menyebabkan Telekom Malaysia Bhd (Telekom Malaysia) mengkaji semula cadangannya membuat tawaran am (GO) terhadap syarikat itu.

Telekom Malaysia kini menguasai kira-kira 31 peratus ekuiti TRI selepas mengambil alih syarikat itu daripada bekas pengurusinya, Tan Sri Tajudin Ramli.

Syarikat telekomunikasi nasional itu sebelum ini menyatakan komitmennya untuk melaksanakan GO terbabit pada RM2.75 sesaham sebelum 29 Oktober ini.

"Perkembangan terbaru ini mungkin menyebabkan Telekom Malaysia mengubah fikiran kerana nilai buku sesaham TRI mungkin terjejas oleh isu invois palsu itu," kata peniaga berkenaan.

Penganalisis menjangka invois palsu yang didakwa TRI bernilai RM259.32 juta itu mungkin mengurangkan harga nilai buku sesaham TRI sebanyak 10 sen

daripada RM1.40 kepada RM1.30.

Sementara itu, jurucakap polis di Bukit Aman, ketika dihubungi mengesahkan sudah menerima laporan berhubung perkara itu tetapi enggan mengulas lanjut mengenainya.